

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

STW215 - Pentadbiran Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan SATU (1) soalan daripada Bahagian B. Tiap-tiap soalan bernilai 100 markah.

Bahagian A

Pilih dan jawab DUA (2) soalan.

1. Bincangkan sandaran ideologi model kebajikan residu dan apakah kelebihan serta kelemahan yang akan dihadapi oleh sesebuah kerajaan yang menggunakan model ini.

2. Sesetengah negara yang telah mencapai status negara industri tidak menggunakan gelaran negara kebajikan. Mengapa?

3. Sekiranya anda diminta merancang suatu sistem kebajikan di Malaysia, model apakah yang anda pilih. Huraikan mengapa model itu sesuai untuk Malaysia.

4. Briggs mencadangkan tiga matlamat utama negara kebajikan. Bincangkan matlamat tersebut dan bagaimana ianya boleh dilaksanakan.

Bahagian B

Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan.

5. Jaminan sosial adalah suatu peruntukan yang digunakan untuk mengatasi masalah kemiskinan. Bincangkan.
6. Bincangkan kesan sistem kebijakan ke atas wanita dalam kedudukan mereka sebagai penyampai dan penerima perkhidmatan.
7. Pilih dan bincangkan suatu alternatif (selain daripada kerajaan) untuk digunakan sebagai saluran membendung masalah sosial.